

Headline	Buat dua kerja demi tunai haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	200 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syalikha Sazili	AdValue	RM 6,745
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,235



# Buat dua kerja demi tunai haji

» *Buruh ladang sawit menabung sejak 25 tahun*

Oleh **Syalikha Sazili**  
syalikha@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Impian menunaikan haji, mendorong seorang buruh ladang sawit turut bekerja sambilan sebagai tukang gunting sejak 25 tahun lalu, demi menabung bagi menunaikan ibadat itu.

Jemaah haji dari FELDA Jelai 3, Negeri Sembilan, Selamat Kenit, 58, berkata beliau melakukan dua pekerjaan setiap hari demi menyara kehidupan bersama isteri, Mariam Md Zain, 56, dan enam anak mereka.

“Sebagai buruh ladang sawit di FELDA Jelai 2, saya hanya mampu peroleh kira-kira RM1,500 sebulan. Namun saya perlu utamakan keluarga demi membesarkan anak-anak.

“Berikutan itu, saya bekerja sambilan sebagai tukang gunting di kedai milik rakan di tanah rancangan sama, demi menabung sebahagian daripada kira-kira RM600 sebulan yang diperolehi.

**Berusaha lebih gih**

“Saya bersyukur, hasil tabungan selama ini akhirnya membolehkan saya menunaikan ibadat haji musim ini,” katanya ketika ditemui di pekarangan Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, kelmarin.

Selamat mengakui, usahanya melakukan dua pekerjaan setiap hari meletihkan, namun impian membuat tabungan demi menunaikan ibadat haji menjadi inspirasi dan mendorongnya untuk tidak mudah menyerah, sebaliknya berusaha lebih gih.

“Saya cukup bersyukur,

akhirnya dapat mengerjakan haji. Malangnya niat untuk membawa isteri bersama tidak kesampaian kerana beliau terpaksa menemani anak perempuan kami yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akhir tahun ini.

“Saya berdoa semoga suatu hari nanti beliau juga berpeluang mendapat panggilan untuk menjadi tetamu Allah di Tanah Suci,” katanya.

Headline	Buat dua kerja demi tunai haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	16	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	200 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syalikha Sazili	AdValue	RM 6,745
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,235



“  
Sebagai buruh ladang sawit di FELDA Jelai 2, saya hanya mampu peroleh RM1,500 sebulan. Berikutan itu, **saya bekerja sambil sebagai tukang gunting demi menabung sebahagian daripada RM600 sebulan yang diperoleh**”

**Selamat Kenit,**  
Jemaah haji